

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Khamis, 29 September 2016



### Hubungan Luar Kesultanan Melayu Kekal Relevan Walaupun Berdepan Cabaran Modenisasi



**Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail melawat pameran bersama Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia Nafisah Ahmad (kanan) selepas berkenan merasmikan Seminar Institusi Raja kali keempat (SIRaj IV): Hubungan Luar Kesultanan Melayu di Perpustakaan Negara**

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Hubungan luar Kesultanan Melayu masih berperanan dalam usaha negara menongkah arus tanpa sempadan walaupun berdepan cabaran dunia modenisasi.

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah fungsi dan kuasa hubungan luar itu pada masa kini boleh diterjemahkan kepada satu bentuk hubungan akrab dan kerjasama dengan negara luar.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah, hubungan itu memberikan kelebihan seperti aspek benteng pertahanan yang lebih kukuh hasil garapan dan latihan, perkongsian maklumat risikan dan perolehan peralatan serta keperluan ketenteraan.

"Hubungan itu juga memastikan keadaan keselamatan lebih terjamin menerusi kerjasama serta strategi yang lebih komprehensif dan bersepadu dalam menangani isu-isu keganasan, imigrasi, penyeludupan dan aliran tenaga buruh asing antara lainnya," titahnya.

Baginda bertitah demikian semasa merasmikan Seminar Institusi Raja (SIRaj) kali keempat anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di sini, hari ini.

Selain itu, baginda bertitah kerjasama berkenaan menjadikan pertumbuhan ekonomi lebih rancak dengan kemasukan pelaburan asing, peluang mendapatkan sumber dengan harga yang lebih kompetitif, peningkatan jumlah kehadiran pelancong dan penjanaaan peluang pekerjaan.

"Kerjasama itu juga dapat menyumbang kepada evolusi pendidikan hasil pemindahan teknologi selain peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara mampu melahirkan rakyat yang lebih progresif dan kompeten," titah baginda.

Turut hadir Menteri Besar Perlis Datuk Seri Azlan Man, Naib Canselor UniMAP Datuk Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal dan Ketua Pengarah PNM Nafisah Ahmad.

Seminar sehari itu bertujuan memberi pemahaman dan pengetahuan kepada rakyat Malaysia tentang kepentingan hubungan luar Kesultanan Melayu yang berlaku melalui pelbagai cara, antaranya perkahwinan diraja dan hubungan diplomatik.

Seramai 12 pembentang dari tujuh institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa menyampaikan kertas kerja mereka dalam seminar yang mengangkat tema 'Menghayati Kemasyhuran Kesultanan Melayu' itu.

-- BERNAMA